

25/07/1997

Bapa dakwa polis tampar anak

IPOH, Khamis - Seorang bapa mendakwa anaknya ditampar, ditendang dan digari oleh dua anggota polis berpakaian preman tanpa sebab ketika anaknya minum di sebuah gerai di simpang jalan di Ulu Kinta, dekat sini, 19 Jun lalu.

Bapa berkenaan, Ishak Sallehuddin, 60, berkata anaknya, Mahathir, 20, ditahan dalam lokap Balai Polis Daerah Ipoh (IPD) selama empat hari selepas dia bersama tiga lagi rakannya minum di gerai itu kira-kira jam 3 petang.

Ishak mendakwa Mahathir ditampar tiga hingga empat kali di muka serta ditendang depan orang ramai di gerai itu sebelum dibawa ke IPD.

"Sebelum itu, dia dibawa ke Balai Polis Tanjung Rambutan dan Balai Polis Bercham serta ditampar dan ditendang tanpa sebab dan kemudian ditahan selama empat hari di IPD.

"Saya juga tidak diberitahu oleh polis mengenai kejadian itu, sebaliknya hanya mengetahui anak saya ditahan di IPD selepas dia menelefon untuk memaklumkan kedudukannya.

"Saya amat kesal dengan tindakan berkenaan. Saya menganggap tindakan polis itu keterlaluan kerana memperlakukan anak saya seumpama itu tanpa sebab," katanya di sini, hari ini.

Ishak, yang mengusahakan sebuah kantin di sini berkata berikutan kejadian itu, dia membuat laporan di Balai Polis Tanjung Rambutan, 24 Jun lalu.

(END)